

80 atlet USIM sertai SUKIPT

SEREMBAN 11 Feb. - Seramai 80 atlet Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan berentap dalam Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 di padang Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam bermula 3 Februari lalu hingga Ahad ini.

Mereka bertarung dalam lapan jenis sukan daripada 24 acara yang dipertandingkan iaitu taekwondo, silat, bola tampar, memanah, tenis, ragbi, bola jaring dan boling padang.

Majlis penyerahan bendera kepada ketua kontinjen berlangsung di Pusat Pavilion USIM di Nilai dekat sini baru-baru ini dengan dihadiri Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail.

Dr. Asma dalam ucapannya memberi kata-kata perangsang kepada kontinjen USIM supaya mempunyai semangat berpasukan yang tinggi walaupun USIM datang dengan jumlah atlet yang kecil.

“Tunjukkan sifat-sifat yang baik kerana ia melambangkan keperibadian pelajar USIM yang datang dari universiti berteras pengajian Islam,” katanya sebelum menyerahkan bendera USIM kepada ketua kontinjen, Ekmal Buhary.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Datuk Dr. Asin Dollah dan Pengarah Pusat Sukan USIM, Hamran Husin.